



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 4 MEI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	JADI RUJUKAN AGROPRENUER MUDA, NASIONAL, SH-11 MAFI TO IMPLEMENT POLICY TO ENCAURAGE CORN FARMING FOR ANIMAL FEED, ONLINE, THE EDGE MARKETS MAFI TO IMPLEMENT POLICY TO ENCAURAGE CORN FARMING FOR ANIMAL FEED, ONLINE, KOSMO	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5. 6. 7. 8.	SEMUA DAGING IMPORT DIUJI SAMPEL SEBELUM DIPASARKAN, NASIONAL, BH-9 PENGGUNA TIDAK PERLU BIMBANG BEKALAN DAGING DARI INDIA, ONLINE, KOSMO MALAYSIA TIDAK SEKAT DAGING DARI INDIA, NASIONAL, SH-10 USAH RISAU BEKALAN DAGING DARI INDIA, LOKAL, HM-13 DAGING LEMBU DARI INDIA SELAMAT, NEGARA, KOSMO-16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
9.	USIR 3 KAPAL PENGUATKUASA VIETNAM LINDUNG PENCEROBOH	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10. 11.	HARUMANIS ENJOYING SWEET SALES ON ONLINE PLATFORMS, NATION, THE STAR-12 HARUMANIS SELLING LIKE HOT CAKES ON ONLINE PLATFORMS, NEWS IN BRIEF, NST-12	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
12.	10,000 PETANI DIDAKWA BELUM TERIMA BENIH PADI, NASIONAL, BH-9	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
13.	KEKANG PEMBAZIRAN MAKANAN, CETUSAN, SH-17	LAIN - LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Jadi rujukan agroprenuer muda

MAFI lancar dua buku untuk dijadikan panduan buku oleh usahawan muda seluruh negara

PUTRAJAYA

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melancarkan buku *Inspirasi Agroprenuer Muda* dan buku *Lembaran 2020* sebagai panduan dan rujukan kepada usahawan agroprenuer muda di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, buku *Inspirasi Agroprenuer Muda* kali pertama diterbitkan bagi penerima bantuan Geran Agroprenuer Muda (GAM) bermula pada tahun

2016 hingga tahun 2020.

"Seramai 198 usahawan telah dipilih oleh jabatan dar agensi di bawah MAFI.

"Buku ini akan menjadi panduan dan rujukan kepada semua pihak terutama agroprenuer muda di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media program My Best Buy (MBB) di Wisma Tani di sini pada Isnin.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Ronald berkata, buku tersebut bertujuan untuk merangsang kan usaha yang dilaksanakan oleh Unit Agroprenuer Muda, MAFI dengan kerjasama semua jabatan dan agensi di bawahnya sepanjang tahun 2020.

"Kejayaan pelaksanaan program-program lepas direkodkan dalam buku ini adalah sebagai



Ronald (dua dari kanan) menunjukkan buku *Inspirasi Agroprenuer Muda* selepas melancarkannya dalam Program My Best Buy Adifitri di Kementerian itu pada Isnin.

tanda usaha berterusan MAFI menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang pertanian dan agromakanan," ujarnya.

Dalam pada itu, Ronald turut melancarkan program MBB yang bertemakan konsep pasar pilihan rakyat.

Katanya, program tersebut

menawarkan pelbagai produk pertanian dan bukan pertanian bagi keperluan setempat dengan harga yang istimewa dan bertepatan.

"Terdapat lima matlamat utama program MBB antaranya menjadi pusat pemasaran hasil pertanian keluaran setempat terpilih," jelasnya.

menawarkan harga bertepatan di mana barangan yang dijual pada harga yang lebih murah dari harga pasaran atau pada harga promosi untuk pengguna dengan anggaran penjumlahan di antara lima peratus hingga 20 peratus bagi produk agromakanan yang terpilih," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.05.2021	THE EDGE MARKETS.COM	ONLINE	

MAFI TO IMPLEMENT POLICY TO ENCOURAGE CORN FARMING FOR ANIMAL FEED



PUTRAJAYA (May 3): The Agriculture and Food Industries Ministry (MAFI) will implement a policy to encourage more people to venture into the corn farming industry to produce animal feed.

Its minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the long-term policy was needed because the government no longer wants to depend on imported corn or bran as animal feed.

"The increase in bran and corn prices are influenced by the global market which is beyond the government's control. We need to encourage more people to get involved in the corn farming industry," he said in a press

conference after launching the My Best Buy Aidilfitri programme here today.

The media previously reported that the rising costs of imported poultry feed was one of the main reasons for the increase in chicken prices.

On the My Best Buy Aidilfitri programme, Ronald said it was implemented for three days starting today at 188 locations identified by the Federal Agricultural Marketing Authority nationwide.

The programme, estimated to generate a sale value of over RM77 million, is to help small entrepreneurs promote agricultural and non-agricultural products for local consumption at special and affordable prices, he said.

At the event, Ronald also launched the Young Agropreneur Inspiration book, which documented the success and efforts of Young Agropreneur Grant recipients from 2016 to 2020, to be a guide and reference for all young agropreneurs in the country.

"The successful implementation of these programmes is recorded in this book as a sign of MAFI's continuous efforts to encourage the involvement of young people in the fields of agriculture and agro-food," he said.



The media previously reported that the rising costs of imported poultry feed was one of the main reasons for the increase in chicken prices.

On the My Best Buy Aidilfitri programme, Ronald said it was implemented for three days starting today at 188 locations identified by the Federal Agricultural Marketing Authority nationwide.

The programme, estimated to generate a sale value of over RM77 million, is to help small entrepreneurs promote agricultural and non-agricultural products for local consumption at special and affordable prices, he said.

At the event, Ronald also launched the Young Agropreneur Inspiration book, which documented the success and efforts of Young Agropreneur Grant recipients from 2016 to 2020, to be a guide and reference for all young agropreneurs in the country.

"The successful implementation of these programmes is recorded in this book as a sign of MAFI's continuous efforts to encourage the involvement of young people in the fields of agriculture and agro-food," he said.

-- BERNAMA

ADVERTISEMENT

Keywords

datuk seri dr ronald klandee

corn

imports

young agropreneur inspiration

grants

agriculture

Related News



AirAsia Farm, MAFI aspire to help more Malaysian farmers



MARDI sets up Centre of Excellence for Green Agriculture

Semua daging import diuji sampel sebelum dipasarkan

Malaysia hanya ambil bekalan dari rumah sembelihan dilulus kerajaan

Oleh Nor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Semua bekalan daging yang diimport akan diuji sampel terlebih dulu sebelum boleh dipasarkan kepada orang ramai, kata Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Datuk Dr Norlizan Mohd Noor.

Justeru, katanya, tiada isu untuk menyekat kemasukan bekalan daging dari India walaupun negara itu kini berdepan dengan lonjakan kes COVID-19. Katanya, Malaysia mempunyai sistem pengimportan yang sudah

dilaksanakan sejak dulu lagi, iaitu hanya mengambil bekalan daging di rumah sembelih yang diluluskan kerajaan.

"Berlainan dengan negara luar, mereka mengambil bekalan daging disediakan pihak berkuasa di negara berkenaan, manakala Malaysia pula hanya ambil bekalan daging dari rumah sembelih yang diluluskan sahaja.

"Apabila bekalan daging itu sampai di pintu masuk Malaysia, JPV bersama Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS) akan mengambil sampel daging atau semua produk berasaskan ternakan untuk

diuji di makmal milik JPV," katanya selepas Majlis My Best Buy Aidilfitri di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), di sini, semalam.

Sabtu lalu, Kemboja memutuskan untuk melarang import daging beku dan produk daging dari India, sebagai usaha bagi mencegah penularan wabak COVID-19 di negara rantan Asia Tenggara.

Ketua Pengarah Jabatan Kastam dan Eksais Kemboja (GDCE), Kun Nhim, dalam satu kenyataan berkata, larangan itu berkuat kuasa serta-merta dan akan mengemukakan kemudiam apabila ia ditarik balik.

Bekas dilaporkan berkata, ia diambil berikutan India melaporkan lonjakan kes jangkitan COVID-19 dan kes kematian sejak kebelakangan ini.

Dr Norlizan berkata, masyarakat tidak perlu bimbang dengan bekalan daging import dari India kerana secara saintifiknya virus COVID-19 tidak boleh merebak dalam sesal haiwan.



Dr Norlizan (kanan) pada sidang media selepas Majlis My Best Buy Aidilfitri di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Putrajaya, semalam. (Foto BERSEKUTU)

"Ia tidak akan jadi penyakit kepada haiwan kerana virus itu tidak boleh mejangkiti haiwan yang lain, berlainan dengan sel dalam badan manusia. Jika berlaku, ia berkemungkinan melalui pencemaran ketika proses pengendalian daging atau ketika pembungkusan dan pengangkutan.

"Dari Januari hingga April lalu, sebanyak 148 sampel daging sudah diuji dan semuanya adalah negatif," katanya. Dr Norlizan berkata, Malaysia mengimport 100,000 tan daging

dari India setahun dan pengambilan sampel daging yang memasuki negara ini adalah satu proses biasa dilakukan pihaknya. "Sebelum ini kita lakukan ujian untuk kontaminasi bakteria dan sebagainya, tetapi selepas pandemik COVID-19 yang melanda negara kita lakukan ujian untuk kesan virus berkenaan.

"Kita bukan lakukan pada daging yang diimport dari India sabaja, tetapi semua negara termasuk Australia dan New Zealand," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.05.2021	KOSMO	ONLINE	

PENGGUNA TIDAK PERLU BIMBANG BEKALAN DAGING DARI INDIA



PUTRAJAYA – Pengguna tidak perlu bimbang dan sangsi terhadap bekalan daging lembu dan produk lain yang diimport dari India kerana ia bebas daripada sebarang jangkitan Covid-19 walaupun republik itu berdepan situasi pandemik yang buruk.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Norlizan Mohd. Noor berkata, bagi memastikan daging berkenaan bebas daripada sebarang jangkitan penyakit, pemeriksaan ke atas daging turut dilakukan di pintu masuk negara.

Menurutnya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) telah melakukan ujian pengesanan Covid-19 ke atas sampel bekalan daging di pintu masuk.

"Tahun lepas sahaja, sebanyak 400 sampel diuji dan keputusan ujian lanjut di makmal yang diperoleh dalam tempoh tiga hari itu membuktikan kesemua sampel berkenaan adalah bebas daripada sebarang penyakit.

"Malah, secara saintifiknya virus Covid-19 tidak boleh meresapi ke dalam sel haiwan tidak sama seperti manusia. Kalau berlaku pun semasa proses pengendalian dan penyediaan daging itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran My Best Buy Aidilfitri di lobi MAFI yang disempurnakan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee.

Norlizan berkata, buat masa ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) belum memutuskan untuk memberhentikan pengimportan bekalan daging dan juga produk lain dari negara berkenaan.

"Malaysia mempunyai sistem pemeriksaan sumber daging import berdasarkan rumah sembelih yang diluluskan oleh kerajaan Malaysia.

"Di peringkat pemprosesan di luar negara, mereka telah diberikan penerangan oleh negara berkenaan untuk mematuhi segala peraturan digariskan," katanya.

Sementara itu, pada majlis berkenaan, Ronald berharap program My Best Buy Aidilfitri yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini hingga Rabu depan memberi manfaat kepada peniaga dan pelanggan.

"Program seumpama ini akan dapat membantu usahawan kecil mempromosi usaha mereka tidak hanya tertakluk sektor makanan sahaja tetapi produk lain," katanya.-KIONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.05.2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

Malaysia tidak sekat daging dari India

PUTRAJAYA - Malaysia belum memutuskan untuk menyekat kemasukan bekalan daging lembu dan produk berasaskan makanan dan ternakan yang diimport dari India kerana tiada kontaminasi jangkitan Covid-19 dilaporkan, kata Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor.

Beliau berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah menjalankan ujian makmal terhadap 400 sampel produk makanan dan ternakan sejak pandemik Covid-19 melanda negara dan keputusan ujian semuanya adalah negatif.

“Kita belum putuskan untuk hentikan import daging dari India atas dua sebab iaitu sumber daging yang diimport adalah hanya dari rumah sembelih yang diluluskan oleh kerajaan dan ia sentiasa dipantau.

“Keduanya, secara saintifik virus Covid-19 tidak boleh meresapi ke dalam sel haiwan dan pemantauan terhadap semua produk yang masuk

mendapati tiada kontaminasi jangkitan Covid-19 terhadap produk serta bungkusannya,” katanya selepas majlis pelancaran Program My Best Buy Aidilfitri oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee di sini pada Isnin.

Sementara itu, Norlizan berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar bersama Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) akan terus memantau produk makanan dan ternakan yang dibawa masuk ke negara ini.

“Setiap produk yang masuk akan diperiksa dengan sampelnya akan dibawa ke makmal. Proses pemeriksaan untuk kita tahu sama ada sesuatu produk itu mempunyai jangkitan tidak akan ambil masa tiga hari,” ujarnya.

Katanya, orang ramai tidak perlu bimbang dengan kemasukan produk makanan dan ternakan dari negara luar kerana ia sentiasa dipantau oleh pihak berkuasa. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.05.2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

Usah risau bekalan daging dari India

Putrajaya: Semua bekalan daging yang diimport ke Malaysia diuji sampelnya terlebih dahulu sebelum dipasarkan kepada orang ramai.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Datuk Dr Norlizan Mohd Noor berkata, berikutan itu tiada isu menyekat kemasukan bekalan daging dari India yang kini berdepan dengan lonjakan kes Covid-19.

Katanya, Malaysia mempunyai sistem pengimportan yang sudah dilaksanakan sejak dulu lagi iaitu hanya mengambil bekalan daging di rumah sembelih diluluskan oleh kerajaan.

"Berlainan dengan negara luar, mereka mengambil bekalan daging disediakan oleh pihak berkuasa di negara berkenaan manakala Malaysia hanya ambil bekalan daging dari rumah sembelih diluluskan sahaja.

"Bila bekalan daging itu sampai di pintu masuk Malaysia, JPV bersama Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (Maqis) akan mengambil sampel daging untuk diuji di makmal milik JPV," katanya di sini, semalam. +

Ujian klinikal dijalankan JPV sahkan tiada sebarang jangkitan

Daging lembu dari India selamat



RONALD menandatangani piagam Inspirasi Agropreneur Muda sebagai simbolik pada program pelancaran My Best Buy Aidilfitri di pekarangan Wisma Tani, Putrajaya semalam. - FAISOL MUSTAFA

Oleh SUBIKHI SUDARJI

PUTRAJAYA – Pengguna tidak perlu bimbang terhadap bekalan daging lembu dan produk lain yang diimport dari India kerana bebas daripada sebarang jangkitan Covid-19 walaupun negara itu berdepan situasi pandemik yang buruk ketika ini.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Norlizan Mofid, Noor berkata, bagi memastikan daging berkenaan bebas daripada sebarang jangkitan penyakit, pemeriksaan ke atas daging import itu telah dilakukan di pintu masuk negara.

Menurutnya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Magis) telah melakukan ujian pengesanan Covid-19 ke atas sampel bekalan daging di pintu masuk Malaysia.

"Tahun lepas sabaja, sebanyak 400 sampel diuji dan keputu-



Di peringkat pemprosesan di luar negara, mereka telah diberikan penerangan oleh negara berkenaan untuk mematuhi segala peraturan yang telah digariskan."

NORLIZAN

san ujian lanjut di makmal yang diperoleh membuktikan semua sampel adalah bebas daripada sebarang penyakit.

"Malah, secara saintifiknya virus Covid-19 tidak boleh meresap ke dalam sel haiwan tidak sama seperti manusia," katanya pada majlis pelancaran My Best Buy Aidilfitri di lobi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang diselenggarakan menerinya, Datuk Seri Ronald Kiandee.

Norlizan berkata, buat masa ini, MAFI belum memutuskan untuk memberhentikan pengimportan bekalan daging dan juga produk lain dari negara berkenaan.

"Malaysia mempunyai sistem pemeriksaan sumber daging import berdasarkan rumah sembelih yang diluluskan oleh kerajaan Malaysia.

"Di peringkat pemprosesan di luar negara, mereka telah diberikan penerangan oleh negara berkenaan untuk mematuhi segala peraturan yang telah digariskan," katanya.

Dalam majlis sama, Ronald berharap program My Best Buy Aidilfitri yang berlangsung selama tiga hari bermula semalam hingga Rabu depan memberi manfaat kepada peniaga dan pelanggan.

"Program seumpama ini akan dapat membantu usahawan kecil mempromosi usaha mereka yang tidak hanya tertakluk kepada sektor makanan sahaja tetapi produk-produk lain," katanya.

Kuala Terengganu: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu mengusir tiga kapal penguat kuasa Vietnam yang menghalang kapal APMM menahan bot nelayan negara mereka yang mencero-rob perairan negara.

Kejadian itu berlaku di Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) negara ketika Kapal Maritim (KM) Gemia menunda tiga bot nelayan Vietnam yang mencero-rob perairan negara membabitkan rampasan bernilai RM4.5 juta, Jumaat lalu.

Pengarah APMM Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Ramli berkata, KM Gemia sebelum itu menahan tiga bot nelayan Vietnam mencero-rob perairan Malaysia untuk merompak hasil laut negara pada jarak antara 109 hingga 120 batu nautika Timur Laut Kuala Terengganu antara jam 8 hingga 9 pagi. Memurutnya, tiga kapal

Usir 3 kapal penguat kuasa Vietnam lindung penceroboh



KAPAL nelayan Vietnam yang mencero-rob perairan negara. Gambar kecil, nelayan yang ditahan. penguat kuasa Vietnam memasuki perairan negara untuk menghalang KM Gemia menahan tiga bot nelayan mereka dengan menghipit bot rahanan dan membayangi KM Gemia.

"Susulan kejadian itu, Pusat Operasi Maritim Tereng-
"Pada peringkat awal, pe-
trajaya berkaitan insiden itu, Pu-
hasil laut Malaysia.

"Anggota kami menga-



Anggota kami mengarahkan kapal penguat kuasa Vietnam itu keluar dari perairan negara sebelum mereka akur dengan arahan "diberikan".

Muhammad Suffi

rahkan kapal penguat kuasa Vietnam itu keluar dari perairan negara sebelum mereka akur dengan arahan di-berikan," katanya.

Muhammad Suffi berkata, pihaknya menahan 19 nelayan termasuk tekong berusia antara 21 hingga 61 tahun yang berada di tiga bot nelayan asing itu.

Katanya, pihaknya turut merampas 1.5 tan basil laut,

4,500 liter diesel serta per-
alatan menangkap ikan de-
ngan rampasan dianggarkan bernilai RM4.5 juta.

"Selain berdepan gang-
guan penguat kuasa Viet-
nam, kita alami kesukaran apabila dua daripada bot ne-
layan ditahan itu rosak dan
terpaksa ditunda ke Jeti Ma-
ritim Negeri Terengganu
bagi siasatan lanjut.

"Kita ambil masa hampir
55 jam dengan kelajuan ha-
nya tiga knot untuk me-
nunda bot itu sebelum tiba
di jeti jam 3 petang sema-
lam (Ahad).

"Kes disiasat mengikut
Akta Perikanan 1985 kerana
menjalankan aktiviti peri-
kanaan dalam perairan ne-
gara tanpa kebenaran Ketua
Pengarah Perikanan dan
Akta Imigrasi 1959/63 ke-
rana kru tiada dokumen pe-
ngenal diri yang sah," ka-
tanya.

Harumanis enjoying sweet sales on online platforms

PADANG BESAR: The ban on interstate travel due to the Covid-19 outbreak has not affected sales of Harumanis mangoes as the fruit has been selling like hot cakes on online platforms.

Perlis Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) director Mohamad Palsal Amri said from the start of the season until today,

the agency has sold 20 tonnes of Harumanis mangoes nationwide.

"The demand for Harumanis this year has been much better than the previous years after our business was expanded to Sabah and with private sector involvement to drive online sales," he said.

He said Fama would continue to assist entrepreneurs and they have

been encouraged to sell online as this is the best option during the pandemic.

Entrepreneur Aziz Iam, 61, said online sales of Harumanis this year had been very encouraging as compared to retail sales which dropped after the movement control order was imposed.

"Courier companies have provid-

ed excellent service as the fruits are delivered in less than three days and I have received positive feedback from my customers," he said.

"I managed to sell between 150kg and 200kg in a week," said the father of six, adding that his children have been helping him to sell the fruits through Facebook and

WhatsApp to buyers in Kuala Lumpur, Pahang and Johor.

However, another entrepreneur Che Rus Man, 57, was not so lucky as sales had dipped compared to last year.

"I had difficulties selling to wholesalers and incurred losses this year due to the uneven ripening of the fruits," he said. — Bernama

Harumanis selling like hot cakes on online platforms

PADANG BESAR: The ban on interstate travel due to the Covid-19 outbreak has not affected sales of Harumanis mangoes; they are selling like hot cakes on online platforms. Perlis Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) director Mohamad Paisal Amri said to date, the agency had sold 20 tonnes of Harumanis nationwide.

“The demand for Harumanis this year is much better,” he said on Sunday. He said Fama would continue to assist entrepreneurs in selling their mangoes online as this was the best option during the pandemic. Trader Aziz Itam, 61, said online sales of Harumanis this year had been very encouraging. “The courier companies have provided excellent service and I have received positive feedback from my customers.” **Bernama**

10,000 petani didakwa belum terima benih padi

Alor Setar: Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PE-SAWAH) mendakwa hampir 10,000 petani di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) belum menerima benih padi sah.

Ia sekali gus menyebabkan proses menanam padi untuk musim baharu tidak dapat dimulakan lagi ketika ini.

Pengurus PESAWAH, Fuad Yaacob, berkata sejak pihaknya mendedahkan masalah kelewatan dialami petani bulan lalu, terdapat perubahan apabila pe-

ngedar tunggal benih, iaitu Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) mula kerap mengantar benih.

Katanya, beliau difahamkan sehingga kini, lebih 70 peratus atau kira-kira 20,000 petani menerima benih padi sah diedar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) masing-masing, berbanding hanya 20 peratus pada pertengahan bulan lalu.

"Bagi fasa pertama, ramai petani terima benih padi dan memulakan proses menanam, tetapi masih ada 30 peratus petani be-

lum terima benih sedangkan tarikh akhir menanam adalah 30 April lalu.

"Kita dimaklumkan, petani fasa pertama yang belum terima benih akan terima bersama petani fasa kedua yang tarikh akhir menanam pada 14 Mei ini.

"Seperti yang kita jangka, kelewatan memang berlaku kerana pertama belum mula menanam sedangkan fasa ketiga sepatutnya bermula minggu lalu," katanya kepada BH, semalam.

Pada 21 April lalu, BH melaporkan lebih 30,000 pesawah MADA berdepan masalah kelewatan benih padi sah, sedangkan musim penanaman baharu bagi fasa pertama sepatutnya bermula pada 1 April lalu.

Keadaan itu berlaku berikutan NAFAS dikatakan gagal membekalkan benih padi sah ke kawasan MADA dan sebahagian besar skim tanaman padi di Semenanjung.

Mengulas lanjut, Fuad berkata, kelewatan menanam akan menyebabkan petani terpaksa menanggung peningkatan kos apa-



Jelapang Padi negara berdepan masalah benih

Keratan akhbar
BH 21 April lalu.

yang jadi tahun ini, ramai petani terpaksa tanggung kos lebih kerana benih padi lewat sampai," katanya.

Mengulas mengenai benih padi, sah dikesan disinapan bagi tujuan dijual di sebuah premis di Jalan Sanglang, Kubang Pasu, Khamis lalu, beliau berkata perkara itu memang berlaku setiap tahun kerana permintaan terhadap bekalan benih sentiasa tinggi.

Katanya, disebabkan itu beliau yakin berlaku peyelewengan dalam urusan pembekalan benih padi sah kerana ada pihak cuba mengaut keuntungan atas angin hasil penjualan benih subsidi di pasaran komersial.

"Kita sudah kata perkara ini banyak kali, dulu sebelum NAFAS ambil alih, benih padi sentiasa ada, tetapi harganya mahal hingga RM60 setiap 20 kilogram menyebabkan petani minta kerajaan bagi subsidi.

"Sekarang apabila kerajaan beri subsidi, berlaku pula peyelewengan. Tetapi apa keadaan sekali pun, petani juga yang menanggung akibatnya," katanya.

bila, pedu melakukan proses membajak tanah lebih daripada sekali.

"Proses penghantaran memang perlahan, kebanyakan PPK tempah, lebih 10,000 beg benih padi sah, tetapi yang sampai cuma 3,000 sedangkan setiap satu hektar sawah secara purata memerlukan tujuh beg benih.

"Petani sepatutnya mempunyai benih padi mencukupi sebaik kerti membajak tanah selesai. Tanah siap dibajak perlu ditanam padi segera, jika lewat petani perlu bajak semula tanah menyebabkan kos meningkat.

"Untuk membajak semula tanah, petani perlu sewa jentera dan upah pemandu. Macam apa

Seperti kita jangka, kelewatan memang berlaku kerana sehingga kini, ada petani fasa pertama belum mula menanam sedangkan fasa ketiga sepatutnya bermula minggu lalu

Fuad Yaacob,
Pengurus PESAWAH



Kekang pembaziran makanan



PERSPEKTIF

DR HALIZA ABDUL RAHIMAN

Mengikut Pertubuhan Makanan dan Pertanian, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO), hampir 15,000 tan makanan dibazirkan setiap hari. Daripada jumlah itu, sebanyak 20 peratus atau 3,000 tan adalah lebihan makanan tidak disentuh dan masih boleh dimakan.

Lebih menyedihkan, jumlah itu cukup untuk menampung 5.3 juta orang dengan hidangan tiga kali sehari, khususnya di negara tertentu seperti Syria dan Palestin.

Di Malaysia yang dikenali sebagai syurga makanan, terdapat juga sebilangan masyarakat yang masih kelaparan dan mencari makanan di kawasan pembuangan sampah. Pada 2018, kajian oleh Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) ke atas responden yang menetap di rumah pangsa di Kuala Lumpur

menunjukkan satu daripada 10 kanak-kanak makan kurang daripada tiga kali sehari.

Bagi individu berkemampuan, sememangnya mereka boleh makan apa saja tetapi bayangkan golongan berpendapatan rendah yang pasti sukar untuk mendapatkan hanya sepinggan nasi. Justeru, isu pembaziran makanan adalah serius dan perlu ditangani segera.

Dapatan tahun 2019 mendapati, isi rumah atau keluarga adalah penyumbang terbesar iaitu 30 peratus kepada keseluruhan 16,650 tan pembuangan sisa makanan di Malaysia setiap hari. Secara purata, sebuah keluarga yang terdiri daripada empat orang membazirkan hampir satu kilogram makanan setiap hari.

Natijahnya, terlalu banyak wang terpaksa digunakan dalam hal pengurusan sampah, apatah lagi kadar kitar semula di Malaysia hanya 22 peratus. Jadi, pembaziran makanan sepanjang Ramadan wajar dikawal kerana kos pengurusan sisa pepejal meningkat setiap tahun. Trend pembuangan sisa makanan meningkat 15 hingga 20 peratus atau sekurang-kurangnya 10,000 tan makanan pada musim perayaan dan Ramadan.



Cara terbaik adalah dengan mengurangkan penggunaan makanan."

Tinjauan di bazar Ramadan mendapati, rata-rata pengunjung menjinjing lebih dua bungkus juadah untuk berbuka, sekali gus membuktikan kebenaran kajian mengenai sikap membazir keterlaluan rakyat Malaysia ketika bulan puasa. Pada 2015, SWCorp pernah melaporkan sepanjang 30 hari Ramadan, sisa makanan terbuang adalah sebanyak 270,000 tan atau lebih kurang 9,000 tan sehari.

Sukar untuk memastikan mengapa setiap kali Ramadan tiba, pembaziran makanan berlaku mendedak, namun antara punca utama penghasilan sisa makanan yang tinggi adalah membeli berlebihan, penyimpanan makanan tidak sempurna dan faktor gaya hidup mewah.

Sebanyak RM115 juta diperuntukkan kerajaan melalui Belanjawan 2019 bagi pengurusan sisa pepejal, merangkumi pengurusan sisa makanan berbanding hanya RM95 juta pada 2018. Ia

bermakna, pembaziran makanan terutama pada Ramadan bakal meningkatkan kos kerajaan menguruskan sisa pepejal, selain menjejaskan kualiti alam sekitar. Sisa makanan di tapak pelupusan sampah menghasilkan gas metana yang tinggi, selain membentuk larutan resapan (*leachate*) sangat kotor, sekali gus memberi kesan bahaya kepada sungai dan sumber air bawah tanah.

Bagi mengelak pembaziran, masyarakat perlu tahu kaedah mengurangkan sisa makanan seperti merancang sebelum membeli dan memasak mengikut kuantiti yang betul bagi setiap isi rumah. Berhemah ketika membeli juadah berbuka puasa dan tidak melampau ketika mengambil makanan secara buffet harus menjadi amalan, selain bekerjasama dengan peniaga bazar Ramadan dengan mengagihkan makanan tidak terjual kepada golongan memerlukan.

Didik ahli keluarga supaya tidak membazir dan ajar anak-anak mengenai cara menguruskan makanan. Namun, cara terbaik adalah dengan mengurangkan penggunaan makanan.

* *Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahiman ialah Ketua Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Beta, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) Universiti Putra Malaysia*